

KEKAL KAN POLITIK SEKA RANG

JAN 1982

KUALA LUMPUR 31 Dis. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini meminta setiap rakyat berusaha bersungguh-sungguh bagi mengekalkan kestabilan politik yang dinikmati sekarang yang merupakan kunci kepada kemakmuran dan keamanan di negara ini.

(P)

jalankan dengan penuh minat dan dedikasi sebagai satu perbuatan memegang amanah.

"Ganjaran yang kita perlu hargai ialah hormat, homat dari masyarakat dalam negeri dan hormat dari masyarakat antarabangsa. Maruah kita mestilah kita junjung tinggi," ujarnya.

Beliau mengingatkan rakyat bahawa kemerdekaan yang dinikmati selama ini tidak akan membawa apa-apa makna sekiranya rakyat tidak dapat menguasai nasib mereka dan memiliki serta mengawal kekayaan negara mereka sendiri.

Sesungguhnya, ba-

kaya dengan sumber alam serta bahan mentah dan tidak terdedah kepada bencana alam seperti gempa bumi, letupan gunung berapi, banjir yang besar-besar ataupun ribut taufan.

Sambil mensifatkan semua ini sebagai rahmat serta nikmat yang dikurniakan Tuhan, beliau berkata, ia tidak akan dapat dinikmati sepenuhnya tanpa usaha dari rakyat.

"Sumber alam yang kaya dan lain-lain kurniaan Tuhan kepada negara kita tidak dengan sendirinya membawa kebahagiaan hidup dan kemakmuran"

Perdana Menteri mengingatkan bahawa jika kestabilan politik yang wujud sekarang hilang, ia tidak mudah dipulihkan semula dan akan membawa kesan buruk kepada seluruh kegiatan negara.

Dalam perutusan tahun barunya yang disiarkan secara langsung oleh RTM malam ini, beliau menegaskan bahawa kestabilan politik akan hanya wujud dengan adanya usaha yang bersungguh-sungguh dari rakyat untuk mewujudkannya.

"Dalam hal ini kita tidak boleh lalai walau sedikit pun kerana kestabilan politik boleh lenyap dengan sekelip mata sahaja jika kita tidak mengawasinya.

"Dan sekali kestabilan politik hilang ia tidak mudah dipulihkan semula," tegas beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir dalam perutusan tahun barunya yang pertama sejak menjadi Perdana Menteri berkata, kestabilan politik mempunyai kaitan yang rapat dengan kestabilan ekonomi.

Menurutnya, negara yang kaya-raya dengan hasil minyak yang besar sekalipun tidak dapat

mengecap kekayaan jika keadilan ekonomi tidak wujud.

"Jika kita lihat pergolakan di beberapa negara, kita akan faham bagaimana ketidakstabilan ekonomi menghancurkan kestabilan politik.

"Dan kerana tidak ada kestabilan politik maka ekonomi pula telah merosot dengan kesan yang buruk kepada tiap-tiap seorang daripada penduduknya," tegas beliau.

Perdana Menteri menambah, hidup mewah dan bahagia bermakna hidup yang bebas dari penindasan dan berkemampuan untuk mengecap kemakmuran negara.

Oleh sebab inginkan kebebasanlah, katanya, Malaysia memilih sistem demokrasi.

"Demokrasi yang kita pilih adalah dengan tujuan supaya tidak ada seseorang ataupun kumpulan yang boleh menindas rakyat seluruh negara.

"Penggunaan kuasa di dalam demokrasi oleh sesiapa sahaja bukan sahaja perlu dibuat dengan berhati-hati tetapi mempunyai hadnya," ujar beliau.

Dalam hubungan ini Perdana Menteri menegaskan bahawa pemimpin tidak dapat membuat sesuka hati dan mempercayakan kepada diri sendiri, tetapi dikehendaki memberi keutamaan kepada kepentingan rakyat dan negara.

"Cuma dengan cara ini sahaja keadaan dalam negara akan stabil dan maju," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga mahukan rakyat mengubah sikap mereka terhadap pekerjaan dengan bekerja lebih jujur dan bertanggungjawab sambil mengeneipkan sedikit soal upahan bagi diri sendiri.

Katanya, setiap kerja yang dibebankan kepada seseorang hendaklah di-

nyak negara yang sesudah mencapai kemerdekaan telah menjadi lebih terkongkong kerana tidak dapat menguasai urusan rumahtangga masing-masing dengan berkesan.

"Cuma bila kita dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara lain barulah kemerdekaan mempunyai makna," tegas beliau.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, Malaysia bernasib baik kerana mempunyai bilangan penduduk yang sederhana berbanding dengan keluasan wilayahnya.

Walaupun dari segi nisbah penduduk dengan keluasan wilayah, negara boleh menampung 50 hingga 70 juta penduduk. Malaysia kini mempunyai cuma 14 juta orang penduduk.

Ini bermakna bahawa negara masih boleh mengagihkan kekayaan yang sederhana dengan cara yang saksama.

Di samping itu, Malaysia juga merupakan negara yang subur yang

"Untuk ini kita perlu berusaha, berusaha mengeluarkan sumber alam, melebur dan membentuk serta memasarkannya," tambah beliau.

Beliau menyesali sikap setengah-setengah pihak yang katanya sering 'menasihati' rakyat supaya jangan bekerja kuat kerana kononnya perbuatan demikian akan menjadikan mereka sebagai robot, sebagai hamba kepada majikan dan sebagai orang yang taksut dengan kerajaan.